

NO. SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 23 MEI 2016

RUJUKAN : 9025

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Program 6P dijalankan berapa ramai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) didaftarkan dan berapa ramai majikan yang didakwa kerana melindungi PATI.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Proses Pendaftaran di bawah Program 6P yang telah dilaksanakan pada 1 hingga 31 Ogos 2011, seramai 1,303,126 PATI telah berdaftar dan daripada jumlah tersebut seramai 1,015,852 PATI telah berdaftar untuk bekerja.

Kerajaan tidak mempunyai anggaran tepat jumlah PATI yang berada di dalam Negara. Namun begitu, kerajaan sentiasa peka terhadap senario kebanjiran PATI di Malaysia dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara. Selain itu, Kerajaan turut memberikan tumpuan kepada program *Rehiring* untuk memberi peluang kepada PATI yang berada di dalam Negara untuk bekerja secara sah.

Seramai 300 orang majikan telah didakwa kerana melindungi PATI sejak Program 6P dijalankan pada tahun 2011 hingga sekarang.